

PANDUAN DAN SYARAT PENGANUGERAHAN SIJIL / DIPLOMA / IJAZAH



اينستيتوت فنمايمايقن فكورو

GIPGM

INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KUAT KUASA JANUARI 2013

(Cetakan Pertama)

MUKADIMAH

Panduan dan Syarat Penganugerahan ini dikeluarkan setelah semakan semula dan penambahbaikan dibuat ke atas Peraturan Maktab Pendidikan Guru (Peperiksaan, Penilaian dan Pensijilan) 1999. Semakan semula dan penambahbaikan bertujuan memantapkan peraturan penganugerahan yang diguna pakai selaras dengan keperluan agensi jaminan kualiti, dasar dan prosedur yang telah ditetapkan oleh dasar dan peraturan IPG. Ini merupakan dokumen panduan dan rujukan yang akan digunakan oleh pelajar dan pensyarah.

Panduan dan Syarat Penganugerahan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Senat Institut Pendidikan Guru Kali Ke-14 Tahun 2012 pada 27 September 2012 dan Mesyuarat Senat Institut Pendidikan Guru Kali Ke-20 Tahun 2013 pada 30 Julai 2013 telah meluluskan penguatkuasaan pemakaiannya bagi pelajar program Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Perguruan bermula pada sesi akademik Januari 2013.

PERANAN PENSYARAH

Pensyarah perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut :

1. Memahami, menghayati dan mematuhi segala panduan dan syarat-syarat yang digariskan dalam dokumen ini.
2. Mengambil tindakan yang sewajarnya bersesuaian dengan panduan dan syarat penganugerahan yang digariskan iaitu :
 - a. Menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum pengajian yang telah ditetapkan; dan
 - b. Memastikan kehadiran pelajar 100% dalam kuliah, tutorial, kelas, praktikum, gerak kerja kokurikulum dan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang lain berhubung dengan kursus pengajiannya atau apa-apa aktiviti yang dijadualkan oleh IPG.
3. Mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan panduan dan nasihat daripada penyelaras program, Setiausaha Akademik, Ketua Jabatan, Timbalan Pengarah dan Pengarah sekiranya mempunyai sebarang permasalahan akademik.
4. Mengambil akauntabiliti sepenuhnya terhadap sebarang kesan ketidakpatuhan dalam perkara yang telah ditetapkan dalam buku panduan dan syarat penganugerahan.

PERANAN PELAJAR

Pelajar perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut :

1. Memahami, menghayati dan mematuhi segala panduan dan syarat-syarat yang digariskan dalam dokumen ini.
2. Mengambil tindakan yang sewajarnya bersesuaian dengan panduan dan syarat penganugerahan yang digariskan iaitu :
 - a. Menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum pengajian yang ditetapkan; dan
 - b. Kehadiran 100% dalam kuliah, tutorial, kelas, praktikum, gerak kerja kokurikulum dan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang lain berhubung dengan kursus pengajiannya atau apa-apa aktiviti yang dijadualkan oleh IPG.
3. Mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan panduan dan nasihat daripada penyelaras program, Setiausaha Akademik, Ketua Jabatan, Timbalan Pengarah dan Pengarah sekiranya mempunyai sebarang permasalahan akademik.
4. Mengambil akauntabiliti sepenuhnya terhadap sebarang kesan ketidakpatuhan dalam perkara yang telah ditetapkan dalam buku panduan dan syarat penganugerahan.

KANDUNGAN		HALAMAN
	Mukadimah	i
	Peranan Pensyarah	ii
	Peranan Pelajar	iii
	Kandungan	iv - v
	Singkatan	vi
<hr/>		
1.0	TAFSIRAN	1 - 7
<hr/>		
2.0	Pengenalan Nama Dokumen Tarikh Kuat Kuasa Hak dan Tanggungjawab	8 - 9
<hr/>		
3.0	SYARAT-SYARAT AM	
3.1	Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan	9 - 10
3.2	Tidak Cukup Kehadiran	10 - 11
3.3	Kehadiran Semasa Peperiksaan	11 - 12
3.4	Menduduki Peperiksaan Secara Bersyarat	13
3.5	Tanggung Peperiksaan	13 - 14
3.6	Kelakuan Semasa Peperiksaan	14 - 16
3.7	Pelanggaran Panduan dan Syarat Penganugerahan	17
3.8	Larangan Terhadap Plagiarisme	17 - 20

4.0 SYARAT LULUS PENGAJIAN, PENGANUGERAHAN DAN TATACARA RAYUAN KEPUTUSAN

4.1	Markah dan Sistem Gred	20 - 21
4.2	Pemindahan Kredit	21 - 23
4.3	Pengecualian Kredit	23 - 24
4.4	Syarat Lulus Kursus	24 - 25
4.5	Syarat Meneruskan Pengajian	25
4.6	Syarat Lulus Program Pengajian	25 - 26
4.7	Pentaksiran dan Peperiksaan Ulangan/Khas	26
4.8	Penggantungan Keputusan	27
4.9	Pembatalan Keputusan	27
4.10	Pemberhentian Kursus Pengajian	27 - 28
4.11	Tempoh Pengajian Program	28
4.12	Penganugerahan Pangkat	29
4.13	Penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah	30 - 31
4.14	Kawalan Pensijilan	31
4.15	Pengumuman Keputusan	32
4.16	Rayuan	32 - 33
4.17	Penyemakan Semula Skrip Jawapan	33

5.0	PENUTUP	33
	<i>Pengakuan Pelajar</i>	35

SINGKATAN

GDL	-	Guru Dalam Latihan
GSTT	-	Guru Sandaran Tidak Terlatih
IPGM	-	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
JKPPIPG	-	Jawatankuasa Peperiksaan dan Penilaian Institut Pendidikan Guru
JK	-	Jumlah Kredit
JMG	-	Jumlah Mata Gred
JMGT	-	Jumlah Mata Gred Terkumpul
KDC	-	Kursus Dalam Cuti
KDP	-	Kursus Dalam Perkhidmatan
PDPM	-	Program Diploma Perguruan Malaysia
KK	-	Kerja Kursus
PDPLD	-	Program Diploma Perguruan Lepas Diploma
PDPLI	-	Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah
LPBS	-	Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah
NMG	-	Nilai Mata Gred
PISMP	-	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPG	-	Program Pensiswazahan Guru
PMG	-	Purata Mata Gred
PMGT	-	Purata Mata Gred Terkumpul
PJJ	-	Program Jarak Jauh

1.0 TAFSIRAN

Institut	Institut Pendidikan Guru Malaysia yang ditubuhkan dan disenggarakan di bawah Seksyen 45 Akta Pendidikan 1996.
Senat	Senat Institut-Institut Pendidikan Guru yang ditubuhkan di bawah Peraturan 6 : adalah badan akademik Institut dan institut pendidikan guru.
Jawatankuasa	Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 11 (1) : Senat boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya patut untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini.
Rektor	Rektor yang dilantik di bawah subperaturan 5 (1) : Menteri hendaklah melantik seorang pegawai awam sebagai Rektor, yang hendaklah mengetuai Institut.
Pengarah	Seseorang yang mengetuai suatu institut pendidikan guru.
Ketua Pusat	Seseorang yang mengetuai suatu pusat di Institut.
Ketua Sektor Hal-Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar	Seseorang yang mengetuai Sektor Hal-Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar di Institut.

Program Pengajian	Program akademik yang telah ditetapkan oleh Institut bagi penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perguruan yang diiktiraf mengikut ketetapan Kementerian Pendidikan Malaysia.
Kursus	Mata pelajaran atau semua bentuk latihan yang tersenarai dalam program pengajian.
Struktur Program/Kursus	Komponen kurikulum dan tempoh pengajian yang mengandungi kursus-kursus yang ditetapkan untuk tujuan penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perguruan.
Semester	Sesi pengajian yang ditetapkan oleh Institut seperti yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
Penyelaras Kursus	Staf akademik yang dilantik oleh Ketua Pusat/Pengarah untuk menyelaras sesuatu kursus.
Setiausaha Akademik	Seorang pensyarah kanan yang dilantik oleh Pengarah IPG bagi membantu Pengarah dalam hal-hal pengurusan akademik.
Pelajar	Seseorang individu yang berdaftar di Institut atau institut pendidikan guru yang mengikuti suatu kursus pengajian atau program latihan secara sepenuh masa atau separuh masa.

Praktikum	Aktiviti pembelajaran luar kuliah yang ditetapkan oleh institut untuk memenuhi salah satu syarat penganugerahan Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perguruan bagi memberi pendedahan kepada pelajar dalam suasana sebenar alam pekerjaan.
Kredit	<p>Nilai beban bagi satu (1) unit kredit adalah bersamaan dengan empat puluh (40) jam belajar selama satu semester pengajian (15 minggu). Aktiviti pembelajaran pelajar yang dikira sebagai satu nilai nominal diperoleh dari :</p> <p>(a) Satu (1) jam pertemuan bersemuka (kuliah dan tutorial) setiap minggu untuk tempoh lima belas (15) minggu belajar dan /atau</p> <p>(b) Dua(2) atau tiga(3) jam aktiviti pembelajaran berjadual seperti : Seminar, latihan, kerja makmal, kerja lapangan/padang, kerja studio, menyiapkan projek setiap minggu untuk tempoh lima belas (15) minggu, di mana pelajar diselia semasa menyiapkan tugas dalam tempoh yang dijadualkan.</p>
Kurikulum Pengajian	Merangkumi komponen kursus yang ditetapkan oleh Institut, kursus program/latihan dan minor/elektif.
Minor	Set kursus yang ditetapkan oleh pusat/ jabatan sebagai keperluan bagi memenuhi syarat mendapat status minor.

Elektif	Kursus pilihan dan boleh diambil dari mana-mana program pengajian.
Kokurikulum	Aktiviti bukan akademik yang memerlukan penyertaan wajib semua pelajar. Dasar ini diperkenalkan oleh Institut sebagai mekanisme mempertingkatkan interaksi sosial, kepemimpinan, rekreasi sihat, disiplin sendiri dan keyakinan diri.
Kemahiran Insaniah	Kemahiran generik yang perlu dipupuk dalam pelajar yang berkait dengan keusahawanan, kepemimpinan, komunikasi, pemikiran kritis, keupayaan menyelesaikan masalah, inovatif, kreatif serta kerjasama berpasukan.
Pentaksiran	Termasuk pengujian, pengukuran dan penilaian berterusan yang dijalankan sepanjang tempoh kursus pengajian dan program latihan atau sebahagian kursus pengajian dan program latihan, yang membawa markah atau gred, atau kedua-duanya; sama ada dalam bentuk ujian bertulis, kerja-kerja makmal, bengkel, studio, projek, latihan amali, praktikum dan sebagainya.
Peperiksaan	Penilaian bertulis bagi sesuatu kursus yang dijalankan pada penghujung setiap semester.
Peperiksaan khas	Ujian bertulis bagi kursus-kursus yang diambil oleh pelajar yang tidak menduduki peperiksaan dengan kebenaran.

Gred	Suatu nilai dalam bentuk abjad bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.
Mata Gred	Suatu nilai dalam bentuk angka bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.
Nilai kredit	Hasil pendaraban mata gred dengan unit kredit
Purata Mata Gred	<p>Nilai kredit = (Mata Gred x Unit Kredit) Sesuatu nilai pencapaian seseorang pelajar pada sesuatu semester yang dikira seperti berikut ;</p> $\text{PMG} = \frac{\text{Jumlah nilai kredit yang diperoleh dalam penilaian suatu semester}}{\text{Jumlah unit kredit yang didaftar dalam semester yang sama}}$
Purata Mata Gred Terkumpul	<p>Purata nilai gred yang diperolehi seseorang pelajar dalam semua peperiksaan yang telah diambil dan dikira seperti berikut :</p> $\text{PMGT} = \frac{\text{Jumlah nilai kredit yang diperolehi dalam penilaian di semua semester}}{\text{Jumlah unit kredit yang terkumpul dalam semua semester}}$
Tamat	Status yang diberi kepada pelajar setelah menyempurnakan dan lulus semua keperluan akademik serta memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh Institut.

Sijil	Penganugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat sijil dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institut setelah mendapat perakuan Senat.
Diploma	Penganugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat diploma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institut setelah mendapat perakuan Senat.
Ijazah Sarjana Muda Perguruan	Penganugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat ijazah sarjana muda perguruan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institut setelah mendapat perakuan Senat.
Slip Kelayakan Menduduki Peperiksaan	Satu penyata yang menyenaraikan semua kursus yang telah terdaftar untuk membolehkan pelajar mengambil peperiksaan akhir/dinilai pada sesuatu semester.
Penyata Keputusan	Penyata yang menyenaraikan maklumat terperinci keputusan penilaian bagi sesuatu semester.
Transkrip	Penyata rasmi yang menyenaraikan maklumat terperinci keputusan penilaian terperinci sepanjang tempoh pengajian pelajar yang dikeluarkan oleh Institut.
Skrol	Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Institut mengesahkan pengurniaan Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perguruan.

Tindakan Tatatertib	Hukuman yang dijatuhkan oleh pihak berkuasa tatatertib Institut ke atas pelajar yang melanggar kaedah-kaedah Institusi Pelajaran Tatatertib Pelajar-Pelajar dan Akta 174.
Penangguhan Pengajian	Penangguhan yang diberikan kepada pelajar atas persetujuan Institut berdasarkan sebab-sebab tertentu.
Penggantungan Pengajian	Hukuman oleh pihak berkuasa tatatertib yang mengakibatkan pelajar tidak dibenarkan meneruskan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.
Plagiarisme	Peniruan hasil kerja dan/atau pendapat orang lain sama ada menerusi bahan bercetak atau elektronik tanpa mengiktiraf atau membuat pengakuan akan sumbernya.

2.0 PENGENALAN

Bagi menjalankan fungsi-fungsi yang dinyatakan dalam Perkara 7(a) dan 7(k), Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institut-institut Pendidikan Guru) 2010. Senat hendaklah mempunyai fungsi berikut :

7 (a) merumuskan dasar, dan mengawal dan memberi arahan am yang berhubung dengan pentaksiran dan peperiksaan yang dikendalikan di Institut dan institut pendidikan guru;

7 (k) menganugerahkan sijil, diploma atau ijazah perguruan untuk mengiktiraf seorang murid pendidikan guru yang berjaya menamatkan kursus pengajian atau program latihan dengan memenuhi semua syarat yang ditentukan oleh Senat;

Bagi tujuan pemakaiannya, dokumen ini dibaca bersama dengan dokumen lain untuk tujuan keselarasan. Dokumen tersebut ialah :

1. Peraturan-peraturan Pendidikan Guru
2. Akta 174 - Akta Institusi-Institusi Pelajaran
Tatatertib Pindaan 2012
3. Dokumen Perjanjian Pendidikan Guru yang berkenaan
4. Surat Tawaran Mengikuti Program/Kursus

2.1 NAMA DOKUMEN

Dokumen ini dinamakan Panduan dan Syarat Penganugerahan Sijil / Diploma / Ijazah Institut Pendidikan Guru (IPG). Dokumen ini terpakai bagi semua PELAJAR yang sedang mengikuti pengajian di Institut-Institut Pendidikan Guru.

2.2 TARIKH KUAT KUASA

Dokumen ini dikuatkuasakan pada 01 Januari 2013.

2.3 HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Setiap IPG adalah bertanggungjawab memberi penerangan dan panduan mengenai syarat-syarat penganugerahan ini kepada pelajar tertakluk kepada bidang kuasa masing-masing dan peraturan-peraturan yang diluluskan oleh SENAT IPG dari semasa ke semasa.

3.0 SYARAT- SYARAT AM

3.1 SYARAT KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

3.1.1 Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri sesuatu kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berhubung dengan kursus pengajiannya, ia hendaklah menghadirinya melainkan jika ia mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah.

3.1.2 Kelayakan asas menduduki peperiksaan dipertimbangkan berdasarkan kepada syarat-syarat yang berikut :

- (a) Berdaftar dengan IPG Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (b) Telah menghadiri 100% dalam kuliah, tutorial, kelas, praktikum, aktiviti kokurikulum dan aktiviti pembelajaran yang lain berhubung dengan kursus pengajiannya atau apa-apa aktiviti yang dijadualkan oleh pihak IPG;

- (c) Melengkapkan, menyempurnakan dan menyerahkan kerja kursus yang disyaratkan bagi kursus berkenaan;
- (d) Tidak dihalang daripada menduduki peperiksaan oleh pihak berkuasa tatatertib IPG berdasarkan peruntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012 – Bahagian V (Tatacara Tatatertib); dan
- (e) Telah melaksanakan hukuman yang dikenakan oleh pihak berkuasa tatatertib IPG dan tidak digantung daripada menjadi pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan sebagai satu hukuman yang diputuskan oleh pihak berkuasa tatatertib IPG berdasarkan peruntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012 – Bahagian V (Tatacara Tatatertib).

3.2 TIDAK CUKUP KEHADIRAN

- 3.2.1 Pelajar yang kehadirannya kurang daripada 100% dalam mana-mana kursus yang ada komponen peperiksaan sepanjang semester pengajian tanpa sebab tertentu yang dapat diterima oleh JKPPIPG tidak dibenarkan menduduki peperiksaan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 3.2.2 Apabila ketidakhadiran seseorang pelajar untuk sesuatu kursus yang ada komponen peperiksaan melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan jam interaksi yang ditawarkan pada semester itu dan tanpa sebab yang boleh diterima, kes ini perlu

dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk diambil tindakan.

- 3.2.3 Pelajar yang kehadirannya kurang daripada syarat yang ditetapkan dalam sesuatu kursus yang tidak mempunyai komponen peperiksaan dikehendaki melengkapkan jam kredit.
- 3.2.4 Jika seseorang pelajar itu mempunyai masalah kesihatan dan tidak memenuhi syarat pada perkara 3.2.1 :
- (a) Pelajar hendaklah mengemukakan surat akuan doktor. Surat akuan doktor swasta adalah terhad kepada dua (2) hari berturut-turut sahaja; dan
 - (b) Jika akuan doktor swasta melebihi lapan (8) hari satu semester pelajar tidak layak untuk menduduki peperiksaan akhir dan akan diberi status ulangan.
- 3.2.5 Keputusan hukuman Jawatankuasa Tatatertib mesti dipanjangkan kepada JKPIPG untuk tindakan selanjutnya.

3.3 KEHADIRAN SEMASA PEPERIKSAAN

- 3.3.1 Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan ia masuk sesuatu peperiksaan dan ianya tidak tersekat daripada masuk peperiksaan itu, ia hendaklah masuk peperiksaan itu, melainkan :
- (a) mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah untuk tidak menduduki peperiksaan itu; atau

- (b) mempunyai alasan yang munasabah kerana tidak hadir, dan pelajar itu atau wakilnya hendaklah memaklumkan sebab-sebab ia tidak hadir dengan kadar segera secara bertulis kepada Pengarah, dan mendapatkan kelulusan secara bertulis mengenainya; atau
- (c) pelajar yang sakit hendaklah memaklumkan sendiri atau melalui wakilnya kepada Pengarah dan menyertakan surat akuan doktor sebagai bukti; atau
- (d) pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan sebagai satu hukuman yang diputuskan oleh pihak berkuasa tatatertib IPG kampus berdasarkan peruntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012 – Bahagian V (Tatacara Tatatertib).

3.3.2 Bagi pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan akhir atas alasan seperti perkara 3.3.1 (a) hingga (d), semua markah penilaian berterusan akan diambil kira.

3.3.3 Bagi pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan akhir atas perkara 3.3.1 (a) hingga (d), pelajar akan diberi Gred F dengan Nilai Mata Gred 0.00 bagi kursus berkenaan. Pelajar dikira telah mengambil dan gagal kursus berkenaan.

3.4 MENDUDUKI PEPERIKSAAN SECARA BERSYARAT

Pelajar yang memenuhi syarat-syarat berikut dibenarkan menduduki peperiksaan secara bersyarat setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengarah iaitu :

- 3.4.1 Pelajar yang kesnya dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib institusi atau pejabat Rektor dan belum diputuskan; atau
- 3.4.2 Pelajar yang mempunyai kes-kes lain yang timbul dan belum diputuskan oleh mana-mana pihak berkuasa.

3.5 TANGGUH PEPERIKSAAN

Pelajar yang terlibat dengan perkara-perkara berikut boleh ditangguhkan peperiksaannya :

- 3.5.1 Menghadapi masalah kesihatan seperti kecederaan berpunca daripada kemalangan, bersalin dan wabak penyakit berjangkit (dengan mengemukakan surat akuan doktor);
- 3.5.2 Menyertai misi negara, negeri atau institut dengan kebenaran bertulis daripada Rektor/Pengarah terlebih dahulu;
- 3.5.3 Menghadapi bencana alam (dengan mengemukakan surat akuan pihak berkuasa tempatan); atau
- 3.5.4 Menghadapi kecemasan seperti kematian keluarga terdekat sebelum peperiksaan dimulakan (dengan kemudiannya, mengemukakan apa-apa dokumen yang berkait dengan kecemasan tersebut; seperti sijil kematian dan seumpamanya).

3.5.5 Bagi semua perkara 3.5.1 hingga 3.5.4, calon dibenarkan menduduki peperiksaan khas.

3.6 KELAKUAN SEMASA PEPERIKSAAN

3.6.1 Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan-arahan berikut :

- (a) dikehendaki hadir untuk menduduki peperiksaan pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan;
- (b) membawa kad pelajar dan kad pengenalan atau lain-lain yang disahkan. Kegagalan membawa kad pelajar boleh menyebabkan calon dihalang daripada memasuki dewan / bilik peperiksaan untuk menduduki peperiksaan kursus berkenaan kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Unit Peperiksaan dan penilaian untuk menduduki peperiksaan kursus berkenaan sahaja;
- (c) dilarang masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan sehingga diarahkan berbuat demikian;
- (d) calon yang lewat lebih daripada tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan adalah dilarang masuk ke dewan/bilik peperiksaan dan seterusnya tidak boleh menduduki peperiksaan bagi kursus tersebut;
- (e) calon yang lewat tetapi tidak melebihi tiga puluh (30) minit daripada waktu

peperiksaan dimulakan akan dibenarkan menduduki peperiksaan tetapi waktu tamat peperiksaan bagi kursus tersebut adalah sama dengan calon yang lain; dan

- (j) dilarang meninggalkan dewan / bilik peperiksaan dalam tempoh tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan bermula dan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan tamat. Dalam keadaan tertentu di mana calon perlu keluar dan masuk semula, kebenaran daripada Pengawas Peperiksaan adalah diperlukan dan calon hendaklah berada di bawah pengawasan.

3.6.2 Pelajar tidak boleh :

- (a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa, dan diberikan kuasa oleh Rektor;
- (b) menulis atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di

atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;

- (c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau
- (d) menipu atau cuba menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

3.6.3 Dalam keadaan-keadaan tertentu, Pengarah atau/dan Ketua Unit Peperiksaan dan Penilaian boleh mengubah suai arahan-arahan am pada perkara 3.6.1 mengikut budi bicaranya.

3.7 PELANGGARAN PANDUAN DAN SYARAT PEPERIKSAAN

3.7.1 Pelajar yang melanggar Arahan-Arahan Peperiksaan juga boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang diperuntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib)(Pindaan) 2012 – Bahagian V (Tatacara Tatatertib).

3.7.2 Seseorang pelajar yang didapati melanggar mana-mana Arahan-Arahan Peperiksaan pada perkara 3.6 boleh dikenakan tindakan seperti berikut :

- (a) Amaran; atau
- (b) Dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dengan Nilai Mata Gred 0.00

3.8 LARANGAN TERHADAP PLAGIARISME

- 3.8.1 Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.
- 3.8.2 Bagi maksud ini, plagiarisme termasuklah :
- (a) Perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data, atau ciptaan orang lain dan mendakwa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri, atau
 - (b) Suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada sumber lain.
- 3.8.3 Tanpa menjejaskan keluasan perkara 3.8.2, seseorang pelajar memplagiat apabila dia :
- (a) menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;
 - (b) menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademiknya, atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;

- (c) memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai penyelidik bersama bagi menerbitkan apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;
- (d) memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal;
- (e) menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usahasama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak dengan orang lain itu anggota kakitangan atau pelajar Institut Pendidikan Guru sebahagian daripada penyelidikan akademik yang berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data;

- (f) mentranskripsikan idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;
- (g) menterjemah tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu ke dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri; atau
- (h) memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa pengubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusun semula idea itu dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

3.8.4 Pelajar yang melanggar kaedah plagiarisme juga boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang diperuntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran Tatatertib Pindaan 2012 – Bahagian V (Tatacara Tatatertib).

3.8.5 Seseorang pelajar yang didapati melanggar mana-mana kaedah Plagiarisme pada perkara 3.8.3, boleh dikenakan tindakan seperti berikut :

- (a) Amaran; atau
- (b) Dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dan Nilai Mata Gred 0.00;

4.0 SYARAT LULUS PENGAJIAN, PENGANUGERAHAN DAN TATACARA RAYUAN KEPUTUSAN

4.1 MARKAH DAN SISTEM GRED

4.1.1 Prestasi pelajar dalam sesuatu kursus ditunjukkan oleh gred yang diperoleh.

4.1.2 Nilai Mata Gred ditentukan berdasarkan markah dan gred abjad yang diperoleh.

4.1.3 Gred C (nilai mata gred 2.00) adalah gred minimum yang dikira lulus.

4.1.4 Markah, gred, nilai mata gred dan status keputusan adalah seperti Jadual 1 yang berikut.

SKALA	GRED	MATA GRED	STATUS
90 - 100	A+	4.00	LULUS
80 - 89	A	3.84	LULUS
75 - 79	A-	3.67	LULUS
70 - 74	B+	3.33	LULUS
65 - 69	B	3.00	LULUS
60 - 64	B-	2.67	LULUS
55 - 59	C+	2.33	LULUS
50 - 54	C	2.00	LULUS
40 - 49	C-	1.67	GAGAL
30 - 39	D+	1.33	GAGAL
20 - 29	D	1.00	GAGAL
10 - 19	E	0.67	GAGAL
00 - 09	F	0.00	GAGAL

Jadual 1 : Jadual Pemarkahan dan Penggredan

KELAS	JULAT PMGT
PERTAMA	3.75 - 4.00
KEDUA ATAS	3.00 - 3.74
KEDUA BAWAH	2.00 - 2.99
GAGAL	0.00 - 1.99

Jadual 2 : Jadual Pengkelasan Ijazah

4.2 PEMINDAHAN KREDIT

4.2.1 Pelajar yang telah mengambil dan lulus mata pelajaran yang diiktiraf oleh Institusi Pengajian Tinggi atau IPG sendiri boleh memohon pemindahan kredit bagi kursus-kursus setara berdasarkan syarat-syarat yang berikut;

- (a) Kursus yang dipohon pemindahan kredit adalah merupakan kursus yang diambil dalam program yang setara dengan program di IPG;

- (b) Kursus yang dipohon pemindahan kredit tidak merupakan sebahagian daripada program di mana pemohon telah dianugerahkan sijil;
- (c) Kursus yang dipohon pemindahan kredit hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 75 peratus pertindihan kandungan kursus dengan kursus yang ditawarkan oleh Institut;
- (d) Gred atau mata gred yang diperoleh untuk kursus berkenaan adalah tidak kurang daripada gred C atau mata gred 2.00 atau gred yang setara;
- (e) Kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit telah diambil dalam tempoh masa tidak lebih daripada tiga (3) tahun yang lalu; dan
- (f) Bilangan kredit yang boleh diluluskan untuk pemindahan kredit hendaklah tidak melebihi satu pertiga ($1/3$) daripada jumlah kredit bagi sesuatu program pengajian.

4.2.2 Pihak Institut berhak mengadakan ujian untuk menentukan sama ada pemindahan kredit boleh diberikan kepada pelajar bagi mana-mana kursus.

4.2.3 Jumlah kredit bagi kursus yang mendapat pemindahan kredit akan dikira sebagai sebahagian daripada jumlah kredit yang diperlukan untuk bergraduasi.

4.2.4 Pengiraan PMG/PMGT akan mengambil kira nilai pemindahan kredit yang diperoleh.

4.2.5 Pelajar boleh memohon pemindahan kredit sekali sahaja iaitu semasa pendaftaran semester pertama pengajian. Borang permohonan perlu diserahkan kepada Pengarah bersama-sama dengan dokumen yang berikut :

- (a) salinan transkrip akademik yang lengkap dan disahkan; dan
- (b) salinan sukatan kursus berkenaan yang disahkan.

4.2.6 Senat mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan pemindahan kredit dan keputusan tersebut hendaklah dimaklumkan melalui IPG kampus.

4.3 PENGECUALIAN KREDIT

4.3.1 Pengecualian Kredit merujuk kepada bilangan kredit yang diberikan pengecualian oleh Institut kepada pelajar sesuatu program sebelum sesi pengajian baharu berdasarkan kelayakan sedia ada seperti sijil/ diploma/ijazah atau pengalaman.

4.3.2 Pemberian Pengecualian Kredit tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- (a) Kursus yang diberikan Pengecualian Kredit hendaklah setara atau lebih tinggi daripada kursus yang ditawarkan oleh Institut;
- (b) Kursus yang diberikan Pengecualian Kredit hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 75% pertindihan kandungan kursus dengan kursus yang ditawarkan oleh Institut;

- (c) Bilangan kredit yang boleh diluluskan untuk Pengecualian Kredit hendaklah tidak melebihi satu pertiga ($1/3$) daripada jumlah kredit bagi sesuatu program pengajian;
- 4.3.3 Pengiraan PMG/PMGT tidak akan mengambil kira Pengecualian Kredit yang diperoleh.
- 4.3.4 Pelajar boleh memohon pengecualian kredit sekali sahaja iaitu semasa pendaftaran semester pertama pengajian. Borang permohonan perlu diserahkan kepada Pengarah bersama-sama dengan dokumen yang berikut :
 - (a) salinan transkrip akademik yang lengkap dan disahkan; dan
 - (b) salinan sukatan kursus berkenaan yang disahkan.
- 4.3.5 Senat mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan pengecualian kredit dan keputusan tersebut hendaklah maklumkan melalui IPG.
- 4.3.6 Jumlah keseluruhan pemindahan kredit dan pengecualian kredit tidak melebihi satu pertiga ($1/3$) daripada jumlah kredit bagi sesuatu program pengajian.

4.4 SYARAT LULUS KURSUS

Seseorang calon dianggap lulus sesuatu kursus sekiranya :

- 4.4.1 Mendapat markah minimum 50% (gred C) hasil gabungan semua tugas bagi kursus yang dinilai secara kerja kursus sahaja.

- 4.4.2 Mendapat markah minimum 50% (gred C) hasil gabungan kerja kursus dan peperiksaan bagi kursus yang dinilai secara kerja kursus dan peperiksaan.

4.5 SYARAT MENERUSKAN PENGAJIAN

Seseorang pelajar dibenarkan meneruskan pengajian pada sesuatu semester atau peringkat pengajian, jika memenuhi semua syarat berikut :

- 4.5.1 Lulus semua kursus yang telah didaftarkan sama ada dalam peperiksaan asal atau ulangan atau khas dengan mendapat sekurangnya Nilai Mata Gred 2.00;
- 4.5.2 Mencapai purata mata gred asal yakni sebelum peperiksaan ulangan tidak kurang daripada Nilai Mata Gred 2.00; dan
- 4.5.3 Calon yang memenuhi syarat 4.5.2 tetapi belum menduduki peperiksaan ulangan atau peperiksaan khas atau sedang menunggu keputusan peperiksaan yang berkaitan dibenarkan meneruskan pengajian ke semester seterusnya dalam program yang sama secara kenaikan bersyarat.
- 4.5.4 Calon yang gagal peperiksaan ulangan kedua tidak dibenarkan meneruskan pengajian.

4.6 SYARAT LULUS PROGRAM PENGAJIAN

Seseorang pelajar lulus penilaian bagi pengajiannya, jika memenuhi semua syarat berikut :

- 4.6.1 Lulus semua kursus yang ditetapkan mengikut struktur program yang disyaratkan;
- 4.6.2 Mencapai Purata Mata Gred Terkumpul tidak kurang daripada 2.00;

- 4.6.3 Menyempurnakan dan lulus Praktikum/Amalan Profesional, Kokurikulum dan Bina Insan Guru (jika berkenaan) sebagaimana yang disyaratkan dalam struktur program;
- 4.6.4 Mengumpul jumlah kredit yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam struktur program yang diikuti; dan
- 4.6.5 Keputusannya telah disahkan oleh Senat.

4.7 PENTAKSIRAN DAN PEPERIKSAAN ULANGAN / KHAS

- 4.7.1 Pelajar yang gagal peperiksaan bagi sesuatu kursus dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan pada tarikh yang ditetapkan oleh IPG.
- 4.7.2 Pelajar yang gagal dalam kursus yang mempunyai lebih daripada satu kertas peperiksaan, jika gagal gabungan (kerja kursus dan peperiksaan) dikehendaki mengulang peperiksaan bagi kertas peperiksaan yang gagal sahaja.
- 4.7.3 Pelajar yang gagal peperiksaan dibenarkan mengulang peperiksaan dua (2) kali sahaja bagi satu-satu kertas peperiksaan dengan membawa markah kerja kursus sedia ada.
- 4.7.4 Nilai mata gred maksimum pentaksiran ulangan ialah 2.00 (Gred C) selepas digabungkan skor peperiksaan dan skor kerja kursus.

4.8 PENGANTUNGAN KEPUTUSAN

4.8.1 Keputusan penilaian dan pentaksiran seseorang calon boleh digantung, jika ia mempunyai kes yang belum selesai dengan :

- (a) pihak berkuasa tata tertib IPG;
- (b) mana-mana mahkamah, dan
- (d) Jabatan Pendaftaran Negara mengenai status kewarganegaraannya.

4.9 PEMBATALAN KEPUTUSAN

4.9.1 Keputusan penilaian dan pentaksiran seseorang calon boleh dibatalkan jika sekiranya disabitkan dengan mana-mana kes seperti berikut :

- (a) Melakukan penyelewengan dalam melaksanakan kerja kursus ataupun dalam peperiksaan.
- (b) Melakukan penyelewengan plagiat dalam melaksanakan kerja kursus.
- (c) Melakukan penipuan tentang status kewarganegaraan.
- (d) Melakukan penipuan dalam syarat kelayakan memasuki IPG.

4.10 PEMBERHENTIAN KURSUS PENGAJIAN

4.10.1 Pelajar akan diberhentikan daripada meneruskan kursus/pengajian apabila :

- (a) mendapat Purata Mata Gred Terkumpul kurang daripada 2.00;
- (b) dikenakan hukuman “pembuangan daripada institusi” oleh pihak berkuasa tata tertib institusi; dan

- (c) tidak dibenarkan mengulang semester/
peringkat pengajian.

4.11 TEMPOH PENGAJIAN PROGRAM

Penganugerahan diberi jika tempoh pengajian pelajar tidak melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan bagi program berkenaan. Tempoh maksimum mengikuti program adalah seperti berikut :

Program	Tempoh maksimum
Program Persediaan PISMP (2 semester)	4 semester
Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah (3 semester)	5 semester
Program Diploma Perguruan Malaysia (6 semester)	8 semester
Program PISMP (8 semester)	10 semester

Jadual 1 : Tempoh Pengajian

4.12 PENGANUGERAHAN PANGKAT

4.12.1 Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian

Keputusan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian hanya akan menyatakan PMGT yang dicapainya, seperti Jadual 2 dibawah :

KELAS	JULAT PMGT
PERTAMA	3.75 - 4.00
KEDUA ATAS	3.00 - 3.74
KEDUA BAWAH	2.00 - 2.99
GAGAL	0.00 - 1.99

Jadual 2 : Jadual Pengkelasan Ijazah

4.12.2 Diploma Perguruan Lepas Ijazah

Kriteria penganugerahan kepada lulusan Diploma Perguruan Lepas Ijazah adalah seperti Jadual 3 di bawah ini :

Pangkat	PMGT (CGPA)	Praktikum (Gred minimum)	Kokurikulum (Gred minimum)
Cemerlang	3.75 - 4.00	A	A
Kepujian	3.25 - 3.74	B+	B+
lulus	2.00 - 3.24	C	C
Tidak Layak dianugerahkan Diploma	0.00 - 1.99	-	-

Jadual 3 :Kriteria Pangkat Diploma Pendidikan

4.12.3 Diploma Perguruan

Kriteria penganugerahan lulusan Kursus Diploma Perguruan Malaysia adalah seperti Jadual 4 di bawah ini :

Pangkat	PMGT (CGPA)	Praktikum (Gred minimum)	Kokurikulum (Gred minimum)
Cemerlang	3.75 - 4.00	A	A
Kepujian	3.25 - 3.74	B+	B+
lulus	2.00 - 3.24	C	C
Tidak Layak dianugerahkan Diploma	0.00 - 1.99	-	-

Jadual 4 : Kriteria Pangkat Diploma Perguruan

4.13 PENGANUGERAHAN SIJIL/DIPLOMA/ IJAZAH

4.13.1 Pelajar yang telah memenuhi semua syarat dan keperluan Institut berdasarkan keperluan kredit untuk kursus major, kursus teras, kursus wajib, elektif dan minor dengan PMGT 2.00 ke atas layak di anugerahkan Sijil / Diploma / Ijazah tertakluk kepada pengesahan Senat. Pelajar dikehendaki mengesahkan bahawa semua syarat telah dipenuhi sebelum disenaraikan sebagai pelajar yang tamat pengajian dan layak dianugerahkan Sijil / Diploma / Ijazah sebagaimana yang diperuntukan dalam seksyen 130, Akta Pendidikan [Akta 550].

- (a) Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (Bachelor of Teaching with Honours)
- (b) Diploma Perguruan Lepas Ijazah (Diploma in Education)

- (c) Diploma Perguruan Malaysia
(Malaysian Diploma of Teaching)

4.13.2 Senat berhak menarik balik ijazah / diploma yang telah dianugerahkan kepada seseorang lulusan IPG, jika lulusan tersebut kemudiannya didapati mengemukakan dokumen kelayakan palsu semasa memasuki IPG.

4.14 KAWALAN PENSIJILAN

4.14.1 Setiap lembaran sijil / diploma / ijazah hendaklah ditandatangani oleh Rektor.

4.14.2 Setiap transkrip akhir hanya dikeluarkan oleh IPGM dan hendaklah ditandatangani oleh Rektor.

4.14.3 Naskhah asal sijil / diploma / ijazah akan diberikan sekali sahaja.

4.14.4 Surat akuan sijil / diploma / ijazah boleh dikeluarkan kepada calon yang memohon dengan sebab ijazah, diploma atau sijil asalnya telah hilang ataupun musnah. Laporan polis perlu dibuat dan disertakan bersama semasa membuat permohonan.

4.14.5 Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan terjemahan sijil / diploma / ijazah serta transkrip keputusan peperiksaan dalam bahasa Inggeris.

4.14.6 Surat akuan sijil / diploma / ijazah dan transkrip keputusan peperiksaan serta terjemahannya hendaklah ditandatangani oleh Rektor.

4.15 PENGUMUMAN KEPUTUSAN

- 4.15.1 Tarikh keputusan rasmi ditentukan oleh Senat mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan.
- 4.15.2 Keputusan peperiksaan pelajar yang menduduki peperiksaan secara bersyarat akan ditangguhkan sehingga kesnya selesai. Jika kesnya belum juga selesai pada tarikh bermulanya semester atau peringkat pengajian berikutnya, kursusnya akan ditangguhkan jika program tersebut membenarkan penangguhan dan tidak melebihi tempoh maksimum yang telah ditetapkan bagi program tersebut.
- 4.15.3 Jika perkara 25(2) tidak dapat dipenuhi, maka calon akan diberhentikan daripada meneruskan program tersebut.

4.16 RAYUAN

- 4.16.1 Calon-calon dibenarkan merayu untuk semakan semula keputusan yang dibuat oleh JKPIPG bagi mana-mana komponen pentaksiran kepada Senat melalui Pengarah.
- 4.16.2 Calon-calon yang gagal dalam pentaksiran ulangan (jika berkenaan) dan diberhentikan daripada meneruskan program latihan boleh mengemukakan rayuan kepada Senat.
- 4.16.3 Calon-calon dibenarkan merayu untuk semakan semula keputusan yang dibuat oleh Senat bagi mana-mana komponen kepada Rektor.
- 4.16.4 Rayuan tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh seperti berikut :

- 4.16.5 Bagi keputusan akhir, tiga puluh (30) hari daripada tarikh rasmi keputusan peperiksaan diumumkan.
- 4.16.6 Bagi peperiksaan semester, empat belas (14) hari daripada tarikh rasmi keputusan peperiksaan diumumkan.
- 4.16.7 Keputusan rayuan adalah muktamad.

4.17 PENYEMAKAN SEMULA SKRIP JAWAPAN

- 4.17.1 Pelajar yang ingin membuat penyemakan semula skrip jawapan sesuatu kursus peringkat semester hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan rasmi diumumkan.
- 4.17.2 Pelajar yang ingin membuat penyemakan semula skrip jawapan sesuatu kursus peringkat akhir hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Rektor melalui Pengarah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan rasmi diumumkan.
- 4.17.3 Keputusan semakan semula pelajar akan dimaklumkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh permohonan diterima.
- 4.17.4 Keputusan semakan semula skrip jawapan adalah muktamad.

5.0 PENUTUP

Senat berhak meminda, menambah atau memansuhkan mana-mana peruntukan dalam panduan dan syarat ini mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

PENGAKUAN PELAJAR

Salinan Pelajar

Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
IPG Kampus : _____
Program : _____
Ambilan : _____
Pengkhususan : _____

Dengan ini mengaku bahawa saya telah :

- i) menerima Panduan dan Syarat Penganugerahan Diploma/Ijazah Institut Pendidikan Guru Malaysia (kuat kuasa Januari 2013)
- ii) membaca dan memahami isi kandungannya; dan
- iii) menyedari implikasinya.

Tandatangan Pelajar : _____

Di hadapan Saksi*

Tandatangan : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____

**Timbalan Pengarah/Ketua Jabatan/Tutor Peribadi*

PENGAKUAN PELAJAR

Salinan Pejabat

Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
IPG Kampus : _____
Program : _____
Ambilan : _____
Pengkhususan : _____

Dengan ini mengaku bahawa saya telah :

- i) menerima Panduan dan Syarat Penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah Institut Pendidikan Guru Malaysia (kuat kuasa Januari 2013)
- ii) membaca dan memahami isi kandungannya; dan
- iii) menyedari implikasinya.

Tandatangan Pelajar : _____

Di hadapan Saksi*

Tandatangan : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

**Timbalan Pengarah/Ketua Jabatan/Tutor Peribadi*

Dicetak oleh
AF Maju Solution
Tel : 03-6275 9091
Fax : 03-6277 3305
Email : afmaju88@yahoo.com